

# Bantuan baru bagi bekas tentera

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan **memberi** bantuan **wajar** kepada bekas pasukan keselamatan, selain daripada beberapa keistimewaan yang **ditentukan** kepada mereka sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, berkata kerajaan **berpendapat** adalah **kena masanya** kerajaan dan negara **mengiktiraf** pengorbanan pasukan keselamatan secara lebih **positif**.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian dalam kenyataan berikutan peristiwa bersejarah **perjanjian** di antara kerajaan Malaysia dan **Parti Komunis** Malaya (PKM) di Haadyai, Thailand, aemalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kejayaan itu adalah **hasil** ketabahan, sumbangan dan **pengorbanan** semua pihak, terutamanya anggota **pasukan** keaalamatan **ialtu tentera** dan polis.

"Dalam hubungan **ini**, sumbangan besar orang awam **pada** awal-awal darurat dahulu melalui Perkhidmatan Kawalan Kampung atau Home Guard dan **Polis** Khaa atau Konstabel Khas (SC) dan semua pihak yang lain yang tidak terimal itu, tetap dihargai oleh negara.

Perdana Menteri berharap, dengan **berakhirnya** ancaman terhadap keselamatan negara **dari-pada** **punca ini**, kerajaan bolehlah menumpukan segala usaha dan tenaga ke arah membangunkan ekonomi dan taraf **hidup** rakyat dengan lebih **pesat** dan **gigih**, **khususnya bagi kawasan tertentu** yang selama **ini** tidak dapat diberi tumpuan **sewajarnya** oleh kerajaan sebab keglatan bersenjata oleh PKM.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tercapainya persetujuan perdamaian itu adalah **hasil kajian** dan penilaian kerajaan bahawa keadaan dan **sua-sana** sekarang **sangat** sesuai untuk **menyelesaikan** masalah kegiatan bersenjata PKM **ini** secara **damai**. Ia **juga** adalah **hasil** kerjasama erat yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Thailand, khususnya di segi keselamatan.

Beliau **yakin**, dengan termeterainya perjanjian itu, akan wujudlah keamanan dan perdamaian di seluruh kawasan perbatasan Thailand/Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedar **masih ada** sebilangan **kecil** anasir komunis daripada **parti** Komunis Kalimantan Utara di Sarawak.

"Adalah menjadi **hasrat** kerajaan untuk menyelesaikan masalah **ini** dalam masa yang **se-singkat-singkatnya**," katanya.

Sementara itu, Majlis Tertinggi (MT) Umno merakamkan ucapan terima kasih kepada **pasukan** keselamatan negara.

Dalam mesyuaratnya semalam, MT sebulat **suara bersetuju** dengan cadangan kerajaan untuk **memberi** bantuan kepada bekas anggota pasukan keselamatan.

Mengenai perjanjian nerlucutan senjata **Parti Komunis Malaya (PKM)** yang ditandatangani semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata **walaupun** usaha memerangi kegiatan pengganas komunis **mungkin** berkurangan, peruntukan **bagi** pertahanan tidak **banyak** berubah.

"Setakat **ini**, tumpuan pertahanan negara ialah kepada peperangan **gerila**. **Tentera** kita pakar di bidang **ini**. Sementara **kita** tidak mahu **mengurangkan** kepakaran **ini**, perhatian **mesti** diberi **kepada penyediaan** dan penjagaan wilayah.

"Ini termasuk kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang menghadapi **banyak** pencerobohan. **Angkatan** bersenjata akan diarahkan supaya **memberi**

## MT Umno ucap terima kasih

DARI MUKA 1

perhatian kepada perkara ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, **se-mua** ahli MT diberi penjelasan mengenai perjanjian **persefahaman** itu yang diusahakan selama lebih **tiga tahun** bagi mencapai satu penyelesaian **tanpa** merugikan negara.

Kepada satu **soalan**, Perdana Menteri menegaskan, PKM tetap diharamkan di negara ini dan kerajaan akan bertindak mengikut undang-undang negara ke **atas** **se-siapa** yang **cuba** mengembangkan ideologi komunis di negara ini.

"Kerajaan tidak akan bertindak kepada anggota PKM di **luar** negara yang kekal dengan ideologi komunis. **Kita** **juga** tidak akan mengambil tindakan terhadap mereka yang balik ke **sini** dengan ideologi komunis tetapi tidak **ber-buat apa-apa** untuk **mengembangkannya**.

"Bagaimanapun, tindakan **tegas** **ber-lasarkan** undang-undang negara akan diambil kepada anggota atau pemimpin PKM yang **baik** semula ke negara ini dan **cuba** menonjol atau **mengem-bangkan** ideologi itu," katanya.

Mengenai syarat kerajaan ke **atas** anggota atau pemimpin PKM yang berhasrat kembali **se-mula** ke negara ini, beliau berkata mereka tertakluk kepada **undang-undang** negara.